



Mohamed Khaled mendengar taklimat penghasilan madu kelulut dari UMT.  
(Foto Omar Ahmad/BH)



Komuniti Sedili Kecil mendapat manfaat daripada projek pemindahan ilmu dengan penghasilan madu kelulut.

# UMT, UPM turun padang bantu komuniti Sedili

**Pendekatan universiti laksana pemindahan ilmu kepada masyarakat beri manfaat**

Oleh Omar Ahmad  
bhpendidikan@bh.com.my

**Kota Tinggi:** Pendekatan supaya universiti menjadikan daerah ini sebagai lapangan ujian dalam projek pemindahan ilmu kepada masyarakat, menunjukkan hasil yang memberangsangkan.

Ahli Parlimen Kota Tinggi, merangkap Menteri Pertahanan, Datuk Seri Mohamed Khaled Nor-din berkata, projek pemindahan

ilmu diperkenalkan semasa beliau menjadi Menteri Pendidikan Tinggi.

Katanya, hasil usaha itu dapat dilihat kini apabila pelbagai projek yang dijalankan antara pihak universiti dan masyarakat setempat, berjaya menambah pendapatan komuniti.

“Universiti dapat menyumbang proses transformasi masyarakat. Ketika itu saya tawarkan Kota Tinggi menjadi lapangan ujian bagi universiti-universiti dan Universiti Malaysia Terengganu (UMT) antara universiti awam yang menyahut cabaran di Kota Tinggi terutama di kawasan Sedili.

“UMT bersama masyarakat bersama-sama dalam projek ternakan madu kelulut, melepaskan baka ketam nipah di sungai sedili, projek cendawan tiram dan sabun daripada minyak masak terpakai.

Semuanya sudah mendatangkan hasil.

“Selain UMT, pihak Universiti Putra Malaysia (UPM) juga melaksanakan program dari segi tanaman dan sebagainya,” katanya selepas lawatan ke Tapak Knowledge Transfer Programme (KTP) Ternakan Kelulut Sedili anjuran UMT, di Perumahan PPRT Kampung Sedili Kecil di sini, baru-baru ini.

Turut hadir Naib Canselor UMT, Prof Dr Mohd Zamri Ibrahim.

## Gapura ilmu

Sementara itu, Mohd Zamri berkata projek pemindahan ilmu bersama komuniti Sedili di sini sudah berlangsung sejak dua tahun lalu dengan memfokuskan golongan belia, suri rumah, ibu tunggal, pesara tertera, nelayan dan asnaf

Katanya pelaksanaan projek berimpak di lokalti sekitar daerah

Kota Tinggi mencerminkan UMT sebagai gapura ilmu yang sentiasa cakna akan keperluan komuniti khususnya komuniti Sedili untuk dibantu melalui sumbangan kepakaran.

“Selaras dengan keperluan pembangunan sosio ekonomi komuniti Sedili, UMT melalui Pusat Kecemerlangan HICOE, Institut Akuakultur Tropika (AKU-ATROP) menjalankan kajian berkaitan sumber perikanan di kawasan terbabit dan mengadakan program pelepasan 10,000 benih ketam bakau, ketam renjong dan ikan siakap pada tahun lalu

“Program pelepasan benih itu bagi menyokong kelestarian sumber perikanan negara khususnya di sekitar Sedili, selain membantu melonjakkan hasil tangkapan nelayan tempatan sekali gus meningkatkan pendapatan komuniti,” katanya.